

24 DEC 2000

Mahathir-Suqiu

KERAJAAN BELUM BUAT KEPUTUSAN TUNTUTAN SUQIU

ALOR SETAR, 24 Dis (Bernama) -- Kerajaan belum membuat sebarang keputusan berhubung 83 tuntutan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan menimbang sebarang tuntutan yang menyentuh kontrak sosial yang boleh menimbulkan ketegangan antara kaum di negara ini.

"Kita dah beri pendapat yang kita tidak akan timbang sebarang tuntutan yang menyentuh kontrak sosial," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini untuk lawatan singkat ke Kedah.

Dr Mahathir berkata tuntutan yang melibatkan hak kemanusiaan tidak menjadi masalah dan ianya boleh dipertimbangkan.

Suqiu telah mencetuskan kemarahan orang Melayu dengan tuntutannya supaya hak dan keistimewaan orang Melayu dihapuskan.

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah meminta Suqiu menarik balik tuntutan itu dan bercadang mengadakan perhimpunan besar-besaran di sini selain melawat semua negeri untuk membantah tuntutan itu.

Ia juga akan mengemukakan 100 tuntutan balas termasuk menetapkan dalam Perlembagaan supaya jawatan Perdana Menteri mestilah disandang oleh orang Melayu.

Ketika ditanya sama ada beliau akan menemui Suqiu untuk menerangkan keputusan kerajaan, Dr Mahathir berkata: "Dulu saya dah jumpa dengan mereka dan menerangkan tuntutan yang dibuat itu nampak seolah-olah keterlaluan dan mereka terima. Saya fikir habis setakat itu. Tapi, bila ada pilihan raya kecil Lunas, ia timbul pula.

"Kalau jumpa balik lepas ini tentu tidak dapat hasil."

Mengulas mengenai tuntutan oleh GPMS itu, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak mahu mengulas perkara itu. Tapi apa yang penting. semua pihak patut mengurangkan tuntutan yang mencetuskan ketegangan di negara ini."

-- BERNAMA

MAN MAI